

BENGGKEL PEMANTAPAN PASUKAN AUDIT DALAM QE/5S IBU PEJABAT JUPEM OLEH MPC

Jawatankuasa Latihan telah mengadakan Bengkel Pemantapan Pasukan Audit Dalam QE/5S pada 11 Ogos 2020 bertempat di Bilik Persidangan Tingkat 15 Wisma JUPEM.

Ceramah telah disampaikan oleh Encik Muhammad Suffian bin Ahmad dari Unit Pengurusan Pengiktirafan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Seramai 50 orang Juru Audit Dalam dan Urus Setia Induk telah hadir ke bengkel tersebut. Tujuan bengkel berkenaan adalah mendedahkan Pasukan Audit Dalam terhadap kriteria baharu MPC dan meningkatkan pemahaman dalam pelaksanaan amalan QE/5S di peringkat Jabatan. Pelaksanaan audit dalam secara *hand-on* turut diadakan bagi memberi pendedahan yang lebih mendalam kepada ahli pasukan audit yang dilantik.

